

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 15/2021:

**PERKHIDMATAN MENGURUS & MENYELARAS PELAKSANAAN
LATIHAN GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA (GEB)**

OBJEKTIF PROGRAM

- 1) Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman syarikat PKS Bumiputera di dalam bidang dan aktiviti yang berkaitan dengan eksport bagi meluaskan pasaran; dan
- 2) Meningkatkan bilangan syarikat PKS Bumiputera yang mendapat manfaat di bawah program latihan Galakan Eksport Bumiputera (GEB)

LATIHAN DI BAWAH PROGRAM

Latihan di bawah Program ini melibatkan dua (2) sesi seperti berikut :

- Setiap sesi akan dilaksanakan selama **dua (2)** hari bergantung kepada modul dengan penglibatan **maksimum sebanyak 100 peserta bagi setiap sesi.**
- Latihan yang diberikan adalah secara atas talian bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman syarikat PKS Bumiputera di dalam bidang dan aktiviti yang berkaitan dengan eksport seperti gambaran keseluruhan eksport, e-dagang, perniagaan digital, persediaan dan kesediaan eksport, pemilihan dan penyelidikan pasaran eksport, eksport jualan dan alat pemasaran dan pengurusan eksport.
- Tentatif Program adalah seperti di Lampiran. (tertakluk kepada pindaan)
- Bagi Sebutharga ini, Penyebutharga akan terlibat dalam mengurus, melaksana, memantau dan menyelaras pelaksanaan latihan serta menggubal dan menambahbaik modul latihan yang akan dijalankan.
- Di bawah Program GEB, peserta adalah terdiri daripada syarikat PKS Bumiputera termasuk usahawan dan syarikat yang bersaiz mikro.

BUTIRAN JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM

Bagi tahun 2021, latihan di bawah Program ini akan dilaksanakan secara 2 sesi di seluruh negara dengan penglibatan maksimum sebanyak 100 peserta bagi setiap sesi termasuk di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

| Sesi | Jangkaan Pelaksanaan * | Pelaksanaan* | Anggaran Peserta* |
|----------------------|-------------------------------|---------------------|--------------------------|
| Sesi Pertama & kedua | Bulan Oktober -Disember 2021 | Atas talian | 100 peserta x2 sesi |

* *Tertakluk kepada pindaan.*

BUTIRAN TERPERINCI TAWARAN HARGA

| BIL. | BUTIRAN | HARGA DITAWARKAN (RM) | CATATAN ** |
|------|--|-----------------------|------------|
| 1. | <p>MENGURUS, MELAKSANA, MEMANTAU DAN MENYELARAS KESELURUHAN LATIHAN 2 SESI</p> <p>1.1 Memastikan tenaga pengajar/penceramah yang mencukupi dan berkeupayaan bagi memastikan kelancaran disepanjang latihan berlangsung.</p> <p>1.2 Menyediakan seorang wakil yang bertanggungjawab (Person In-Charge) bagi berurusan berkenaan semua skop kerja dengan SME Corp. Malaysia.</p> <p>1.3 Memantau kehadiran para peserta dengan mengambil senarai kehadiran peserta pada hari latihan dan juga mengedarkan serta memastikan borang maklumbalas keberkesanan latihan kepada peserta dilengkapkan.</p> | | |
| 2. | <p>MENGGUBAL DAN MENAMBAHBAIK MODUL LATIHAN</p> <p>2.1 Menggubal dan menambahbaik modul latihan yang merangkumi:</p> <p>i. Gambaran Keseluruhan Eksport</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tinjauan Asas Eksport • Senarai Eksport • Tinjauan Perdagangan Antarabangsa & Global • Tinjauan Prestasi dan Isu Perdagangan di Malaysia | | |

| BIL. | BUTIRAN | HARGA DITAWARKAN (RM) | CATATAN ** |
|------|---|-----------------------|------------|
| | <p>ii. Persediaan dan Kesediaan Eksport</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesiapsiagaan PKS untuk Eksport Meliputi: <ul style="list-style-type: none"> - Pembungkusan, Reka Bentuk dan Pelabelan - Kualiti, Persijilan dan Standard - Perlindungan Harta Intelek • Pengiraan Kos Produk & Perkhidmatan • Prosedur Kastam berkaitan Eksport • Unjuran Jualan & Perbelanjaan <p>iii. Pemilihan & Penyelidikan Pasaran Eksport</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Penyelidikan Pasaran • Penyelidikan Pasaran Mengenai Pasaran Berpotensi • Kriteria Pemilihan Pasaran • Sumber Maklumat & Pembeli • Merangka Perancangan Eksport <p>iv. Eksport Jualan & Alat Pemasaran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Strategi Memasuki Pasaran Luar • E-Pasaran, E-Dagang, Rentas Sempadan dan Portal dalam Talian • Pameran di Luar Negara, Mengambil Bahagian dalam Misi Perdagangan • Komunikasi yang Berkesan dalam Menangani Pertanyaan Perdagangan | | |

| BIL. | BUTIRAN | HARGA DITAWARKAN (RM) | CATATAN ** |
|------|--|-----------------------|------------|
| | <p>v. Pengurusan Eksport</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan Agen di Luar Negara • Menerima dan Mengendalikan Pesanan • Memahami Peraturan dan Perakuan Asal • Proses dan Strategi Perundingan <p>vi. Lain-lain modul latihan yang berkaitan dengan eksport berdasarkan keperluan</p> | | |
| | <p>2.2 Penyediaan Sesi Jaringan Perniagaan</p> <p>i. Sekurang-kurangnya 10% – 20% daripada jumlah peserta yang latihan (2 sesi) dapat menyertai jaringan perniagaan ke luar negara</p> <p>ii. Menyediakan sesi <i>e-business matching</i> atau melalui penggunaan platform MatchMe di dalam MyAssist MSME</p> <p>iii. Mengenalpasti <i>trade linker/ejen/juruperunding</i> dan menyediakan sesi <i>engagement</i> berkaitan eksport yang melibatkan <i>trade linker/ejen/juruperunding</i></p> <p>iv. Menyediakan laporan <i>outcome</i> daripada Sesi Jaringan Perniagaan</p> | | |

| BIL. | BUTIRAN | HARGA DITAWARKAN (RM) | CATATAN ** |
|------|---|-----------------------|------------|
| 3. | PENGURUSAN DAN PENYELARASAN PELAKSANAAN LATIHAN | | |
| | 3.1 Menyedia sejumlah Tenaga Pengajar/Penceramah yang berpengalaman dalam kepakaran berkaitan. | | |
| | 3.2 Menguruskan pembayaran kepada tenaga pengajar/penceramah yang dipilih oleh SME Corp. Malaysia | | |
| | <p>3.3 Mengurus, menyelaraskan dan menjalankan urusan logistik sebelum dan semasa latihan berlangsung:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti dan menyenaraikan syarikat PKS Bumiputera yang berpotensi untuk eksport. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan SME Corp. Malaysia untuk mendapatkan sasaran peserta. • Menyediakan templat jemputan dan mengemukakan kepada SME Corp. Malaysia sebelum di war-warkan. • Penyebutharga perlu membuat jemputan dan pendaftaran peserta secara atas talian. • Merekod dan memantau penyertaan peserta di sepanjang latihan berlangsung. | | |

| BIL. | BUTIRAN | HARGA DITAWARKAN (RM) | CATATAN ** |
|------|---|-----------------------|--|
| | <p>3.4 Menyediakan bahan-bahan pembelajaran (nota/hand-outs) kepada peserta sebelum latihan berlangsung.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya dalam bentuk slaid, format adalah 1 muka surat mengandungi 2 slaid. • <i>Softcopy</i> bahan-bahan pembelajaran juga perlu diserahkan kepada SME Corp. Malaysia. | | |
| | <p>3.5 Menyedia dan menyelaras jadual berdasarkan modul latihan yang telah dimuktamadkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jadual adalah termasuk modul-modul latihan yang telah dimuktamadkan. • Penyebutharga perlu membuat jemputan dan mengesahkan kehadiran slot tenaga pengajar/penceramah | | |
| | <p>3.6 Membuat Borang Maklumbalas dan mengedar borang tersebut kepada peserta bagi menilai keberkesanan latihan yang dijalankan</p> | | |
| | <p>3.7 Mengumpul, menganalisa dan menghantar laporan analisis maklumbalas yang diperolehi tidak lewat daripada 14 hari bekerja dari tarikh akhir program latihan kepada SME Corp. Malaysia.</p> | | |
| 4. | <p><u>HAL-HAL LUAR JANGKA (KONTIGENSI)</u></p> <p>4.1 Penyebutharga mampu untuk membuat perubahan kaedah pembelajaran berdasarkan keperluan dan kesesuaian latihan.</p> | | <p>(sila nyatakan satu jumlah harga yang bersesuaian bagi item 4.1 – 4.2 mengikut <u>anggaran Penyebutharga</u>. Sekiranya syarikat tidak pasti, kadar Kos Kontigensi yang mungkin boleh</p> |

| BIL. | BUTIRAN | HARGA DITAWARKAN (RM) | CATATAN ** |
|---|--|-----------------------|--|
| 4.2 | Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. | | dicadangkan untuk dipertimbangkan adalah sebanyak 5 peratus dari jumlah sebelum cukai) |
| JUMLAH TANPA CUKAI | | | |
| CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN (SST) * | | | |
| * wajib mengemukakan pendaftaran Kastam jika mengenakan SST | | | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | |

** sila nyatakan di ruangan ini sekiranya terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran harga yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

NOTA PENTING:

1. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan Petugas dan / atau Pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh program. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Memandangkan latihan akan dilaksanakan secara berperingkat (2 sesi), Penyebutharga boleh ditamatkan perkhidmatannya sekiranya penyampaian perkhidmatan semasa melaksanakan Sesi pertama adalah tidak memuaskan / tidak mencapai standard SME Corp. Malaysia.
4. Penyebutharga yang mengemukakan tawaran akan membuat pembentangan teknikal kepada SME Corp. Malaysia, sekiranya perlu.
5. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang Program latihan berlangsung.

** sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi*

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 15/2021.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :